

Adi, Hakimi lengkapkan sasaran olahraga

PALEMBANG - Atlet kebangsaan Adi Alifuddin Hussin dan Muhammad Hakimi Ismail menambah dua pingat emas buat skuad olahraga menerusi acara lontar peluru serta lompat kijang semalam, sekali gus melengkapkan sasaran tujuh pingat emas yang ditetapkan untuk dibawa pulang daripada Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2014.

Dalam persaingan di Stadium Jakabaring semalam, Adi berada dalam kelas tersendiri apabila mempertahankan emas lontar peluru buat kali keempat berturut-turut selepas mencatat balingan sejauh 16.60 meter.

Dia menewaskan pencabar terdekat, Thawat Khachin dari Thailand yang mencatat 16.37m untuk membawa pulang perak, manakala gangsa diraih seorang lagi atlet negara Mohamad Alif Hanif Mohd. Afandi dengan catatan 14.39m.

“Saya baru tiga minggu berlatih dengan jurulatih baharu (Malik

Tobias). Secara keseluruhan, saya sangat gembira dapat mempertahankan pingat emas walaupun saingan dari peserta Thailand amat kuat.

“Atlet Thailand itu cedera, jadi mungkin rezeki saya hari ini,” katanya, yang sebelum ini meraih emas dalam temasya 2008 di Kuala Lumpur, 2010 (Chiangmai, Thailand) dan 2012 (Vientiane, Laos).

Sementara itu Hakimi, 23, pe-nuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Fizikal, Universiti Putra Malaysia (UPM) memberitahu, dia sama sekali tidak menjangka mampu membawa pulang emas kerana berdepan tantangan sengit Kongnil Varunyoo dari Thailand.

Hakimi mempertahankan emas kedua berturut-turut dengan lompatan 16.28m, manakala Kongnil meraih perak menerusi catatan 16.08m. Gangsa milik seorang lagi atlet negara, El Said Abdel Aziz (14.39m).

Menurut Hakimi, walaupun

gembira dengan kemenangannya, namun dia gagal memenuhi sasaran peribadi untuk memperbaiki rekod kebangsaan miliknya sendiri, 16.44m yang dilakukan pada Sukan SEA 2013 di Myanmar.

Malaysia turut meraih perak dalam acara 100m lari berpagar wanita menerusi Raja Nursheena Raja Azhar, kuartet 4x400m wanita (Nurulassikin Mohd. Rashid, Saidatul Izzati Suhaimi, Zaidatul Husnia Zulkifli, Nurul Faizah Asma Mazlan) dan 4x400 lelaki (Anchois Aron, Mohd. Fairol Nazim Mohd. Noor, S. Kannathasan, Mohamad Arif Zulhilmi Alet).

Kem negara turut memenangi pingat gangsa acara 4x100m wanita (Raja Nursheena, Zaidatul Husnia, Lau Kah Lin dan Nurul Faizah).

Secara keseluruhan, olahraga mencapai sasaran dengan pungutan tujuh pingat emas selain mendapat tujuh perak dan sembilan gangsa. - UTUSAN